

# Pindah ke tempat selamat

PUTRAJAYA 12 Nov. - Kerajaan akan memindahkan penduduk di kawasan yang terjejas dengan kejadian tanah runtuh di Cameron Highlands ke tempat selamat bagi mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku di masa hadapan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel berkata, ini berikutan kawasan di-diami penduduk terletak bersebelahan dengan sungai dan secara tidak langsung mendedahkan mereka kepada risiko kemusnahan lebih besar.

“Saya sudah meminta Pegawai Daerah Cameron Highlands dan pejabat tanah untuk menyediakan tanah khas kepada mereka dalam masa terdekat.

“Tetapi kita berhadapan dengan masalah baharu pula kerana ada penduduk mahu berpindah dan ada yang tidak mahu berbuat demikian,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Mengenai Fo-rensik Persekutaran (iEN-FORCE) di sini hari ini.

Yang hadir sama Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramli.